

10 AUG 2000

Azhar-Temubual

AZHAR MANSOR KUPAS ERTI KEJAYAAN PELAYARAN KELILING DUNIA

Oleh: Nor Hammad Wariman

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Kejayaan Datuk Azhar Mansor belayar mengelilingi dunia secara solo tahun lepas disifatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai unik di kalangan 22 juta rakyat Malaysia.

Sambutan genap setahun Azhar kembali sebagai wira daripada pelayarannya itu akan dilancarkan di sini esok oleh Dr Mahathir.

Apakah sebenarnya erti sejarah yang diciptakannya itu dan apakah yang beliau mahu generasi muda khususnya belajar daripadanya?

Sempena ulangtahun pertama pelayaran dengan kapal Jalur Gemilang yang bersejarah itu, Azhar ditemuramah oleh Bernama di sini untuk menyingkap peristiwa bersejarah itu.

Beliau bercakap mengenai sikap dan peranan yang perlu ada di kalangan golongan muda bagi menghadapi alaf baru dan berazam mahu menyuntik semangat baru di kalangan masyarakat bagi menghadapi alaf baru.

Berikut ialah temuramah itu:

Soalan: Boleh Datuk terangkan mengenai sambutan ulangtahun kejayaan pelayaran mengelilingi dunia?

Jawapan: Sebenarnya sempena ulangtahun pertama kepulangan, bukan kepulangan Azhar Mansor tetapi kepulangan Jalur Gemilang. Kepulangan Azhar Mansor orang kata nanti benda dah lapuk pun nak pakai nama lagi.

Sijil rekod dunia yang pegang Jalur Gemilang, skipper (kapten kapal) sahaja saya.

Sekarang ini lebih kurang setahun dah balik, kira penumpuan dan komitmen sekarang berkongsi pengalaman dengan orang ramai. Pengalaman yang kita ada bukan pengalaman yang boleh kita jual beli, kalau simpan pun benda itu bukan boleh digantung juga. Kita nak kena kongsi pengalaman sebagai tanggungjawab, yang mana peranan rakyat Malaysia masa kita belayar dulu pun satu peranan yang penting.

Cuma kita tumpu kongsi pengalaman terutama sekali dengan generasi muda di sekolah, persatuan-persatuan, belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) semua termasuk Institusi Pengajian Tinggi. Jadi kira tak berhenti-henti.

Ini adalah satu program yang berterusan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, persatuan dan syarikat swasta. Syarikat swasta pun ada program pembiayaan untuk belia.

S: Jadi pada 11 Ogos ini, ulangtahun pertama...

J: 11 Ogos ulangtahun pertama kepulangan Jalur Gemilang dan orang kata ia bukanlah sebagai grand ulangtahun. Maksudnya kalau boleh hendaklah memperingati semangat yang sama kita rasai semasa hari Jalur Gemilang sampai balik. Semua orang tengok TV. Ini adalah satu kesinambungan, kita tak mahu semangat itu hilang, bukan tak mahu orang lupa Azhar Mansor. Kita boleh nampak semangat ketara. Rakyat Malaysia kan beribu ribu datang tunggu (kepulangan Jalur Gemilang). Kalau boleh kita nak kekal dan peringati semangat itu. Nanti orang silap kata Azhar buat supaya tak mahu orang lupa nama dia pula.

Semangat patriotik negara, masa balik hari itu, semangat ini tak kira agama bangsa apa semua, kita nak peringati semangat itu. Itulah kita harap

pada tiap-tiap tahun, bukan tahun pertama, kita akan cuba buat sesuatu program, sesuatu yang boleh menyuntik semangat itu di kalangan orang ramai. Sempena tahun ini kita nak lancar dokumentari khas. Buku tak siap lagi, tak ada masa nak beri tumpuan penuh. Dan juga pada hari itu kita akan lancar satu portal dalam talian Internet, yang didedikasi secara langsung kepada generasi muda di Malaysia.

Sekarang kerajaan pun saran supaya generasi muda kita, mendedah dan memperkenalkan mereka kepada IT (teknologi maklumat) tetapi kalau masuk IT atau Internet, mereka tak ada satu portal atau laman yang menunjukkan khas kepada mereka. Kita sebagai susulan kepada semangat dan program yang telah kita jalankan, kita rasa satu portal yang khas yang mana berhubung kait banyak dengan mereka. Ada bermacam macam saluran TV, bermacam program ada dalam TV.

Alamatnya akan diumumkan pada hari itu dan pelancarannya bukan secara besar-besaran. Kita akan buat cara sederhana dan bermakna akan disiarkan secara langsung oleh NTV7. NTV7 tak dapat di Langkawi tapi hari tu dapat.

S: Daripada program yang dibuat, program kongsi maklumat, setakat ini bagaimana dengan sambutan golongan sasar?

J: Sokongan cara umumnya orang ramai khususnya golongan muda memang mengharukan...mengalakkan. Dengan program yang mana kita kongsi pengalaman dan tukar pendapat, tumpuan kepada dialog, sesi dialog, dari situ kita boleh tukar pendapat macam mana nak meningkatkan jati diri seseorang individu. Jadi memanglah kumpulan sasaran itu memang ada, tapi berapa orang akan dapat mesej dan faedah daripada program itu kita tak boleh nak buat satu ukuran, itu terpulang kepada diri individu itu juga. Tapi kalau kata daripada segi sokongan di Universiti Malaya sahaja 6,000 orang datang mendengar saya berucap.

Dekat UM orang buat sampai tiga dewan, yang lain tengok (melalui litar) TV.

S: Bagaimana dengan masa bersama keluarga?

J: Memang dengan keluarga tak dapat menghabiskan banyak masa tapi masih macam masa dulu juga, macam saya daripada segi dengan keluarga semasa saya belayar, sebagai tanggungjawab saya ia merupakan satu tugas, tak ada masa, memang kurang dan saya cuba tumpu masa dengan mereka, kalau tugas memerlukan saya macam saya keluar lapan hari baru nak balik, mereka dapat terima.

S: Apakah hasrat Datuk dalam program berkongsi pengalaman ini?

J: Sebagai sebuah negara yang membangun, kitapun ada wawasan dan kerajaan ada program tertentu, saya sebagai individu, yang mana orangpun menaruh banyak harapan, jadi bagi saya, keluar kongsi pengalaman itu bertujuan buka minda generasi muda yang mana kita sebagai rakyat bangsa Malaysia mampu membuat usaha yang bertaraf antarabangsa dan mencapai kecemerlangan. Kita bercakap ini bukan kata bidang pelayaran tetapi berbagai-bagai bidang tetapi cuma dia ini orang kata apa, kelemahan yang dapat kita dilihat ialah kadang-kadang itu mereka kurang mempunyai matlamat hidup yang jelas, jadi maknanya, apabila kita tak ada matlamat hidup, benda itu tak jadi satu perjuangan, itu yang membrek di tengah jalan. Satu-satu perjuangan, kalau kita nak berjuang kita nak berjaya. Kelemahan kita ni banyak anak muda tak tahu hala tujuan dia, matlamat hidup dia tak ada. Kita boleh bimbing dan dia orang pergi belajar universiti, selepas keluar universiti, apa nak buat, apa dia nak, peranan dalam hidup, peranan dalam masyarakat, peranan dalam dunia, matlamat-matlamat itu yang kurang jelas.

Sebab itu kita cuba membina semangat dan membuka minda dia orang supaya perlu memberi perhatian kepada wawasan dan matlamat, supaya dengan wawasan dan matlamat itu kita ada perjuangan, bila ada perjuangan, nilai-nilai positif secara tidak langsung akan datang secara automatik.

Perjuanganlah, kalau kita pergi berperang, mesti kita perang cara betul, kalau tidak kita mati, sebab ini perjuangan. Jadi sekarang kelemahan orang kita sebab tak ada perjuangan. Kehidupan dia orang tak ada perjuangan. Perjuangan diapun ikut orang, bukan perjuangan diri dia sendiri.

S: Pengorbanan Datuk sekarang, anggap macam mana?

J: Peranan saya masa sekarang, peranan sebagai individu yang telah memberi sedikit inspirasi kepada orang ramai, jadi saya cuba memainkan satu peranan dalam membantu kerajaan dan masyarakat. Walau macam manapun saya kira-kira, saya mempunyai perancangan, saya berharap boleh jadi bila sampai hujung tahun ini, saya perlahan sikitlah, sebab ada benda-benda yang lebih bermakna yang perlu kita tumpukan. Maknanya dalam masa sampai hujung tahun ini banyak tempat saya dah pergi, lepas itu kita perlu perlahan, maknanya kita pergi juga, tapi kurang sikit supaya boleh beri tumpuan, macam ini kita punya, orang kata apa, nak portal kita ini khas untuk belia Malaysia, portal ini, dia punya tema, adalah kita nak bina satu golongan masyarakat muda Malaysia, generasi kedua atau Versi 2, maknanya ini, kita dalam tahun 2000, dia dah Versi 2, Versi 1 itu semua kira macam dah pemikiran dan minda Versi 1 itu macam rasa tak sesuai dan kita cuba nak membina dia orang dalam keadaan alaf baru.

Jadi apabila PM kata Malaysia baru, kita kata dalam istilah (term) IT jadi Versi 2.

Itupun kita kena bagi banyak tumpuan, sebab itulah hujung tahun ini saya nak perlahan dan bagi tumpuan pada portal ini untuk belia supaya bahan-bahan yang ada itu adalah bahan yang boleh membina. Selain itu kita bukan tumpu bahan dalam Internet sahaja kita akan juga tumpu bahan-bahan fizikal, maknanya program dan kegiatan fizikal pun kita nak beri tumpuan supaya ia selari. Kalau semua duduk depan komputer pun tak jadi juga, kita kena ada program fizikal sebagai pelengkap kepada bahan di dalam komputer.

S: Bagaimana dengan pelancaran dokumentari khas itu?

J: Satu upacara pelancaran yang mana kita akan tunjuk secara langsung, lepas itu kalau ada ramai-ramai berminat mereka boleh datang menonton secara langsung, tapi bukan sebagai jemputan, ini tempat terbuka, orang ramai boleh datang, yang dijangkakan diadakan di Awana (Porto Malai Resort)

Dokumentari khas Cabaran Jalur Gemilang bukan dokumentari Datuk Azhar, cabaran Jalur Gemilang.

Cabaran ini merangkumi daripada segi pembinaan bot, komen-komen sebelum dan selepas dan termasuk rakaman yang saya ambil sendiri semasa saya belayar dulu.

S: Bagaimana kalau nama Datuk tenggelam?

J: Bagi saya tumpuan dia bukanlah untuk segalanya yang kita buat ini untuk nama sahaja, ini buat sebagai satu perjuangan. Bila perjuangan dah dicapai, maknanya dia bukan bermakna yang nama orang yang berjuang tu penting. Daripada usaha perjuangan itu pencapaian telah dibuat dan berjaya, dan kemudian itu, kalau boleh pencapaian itu menjadi satu inspirasi kepada masyarakat dan bukan minta ikut jejak Azhar tapi ikut jejak perjuangan dan usaha itu.

Nak jadi ikut Datuk Azhar, bolehkah orang ikut cara Datuk Azhar?

Semangat juang yang penting, kata orang jatidiri dan semangat juang untuk capai kecemerlangan.

Macam saya kata, memang daripada asal perjuangan cara peribadi tetapi saya kira pada waktu itu sejak 1995, perjuangan peribadi itu tak boleh dapat meneruskan sampai habis, perlu disuntik semangat kenegaraan dan patriotik. Barulah, orang kata apa, ia boleh diteruskan yang mana matlamat yang kita nak buat demi bangsa dan negara semua, itu suntikan itu perlu, kalau setakat perjuangan peribadi tak jadi, tak cukup kuat jika tak disuntik semangat kenegaraan.

Sebab itu saya balik, rasa terhutang budi kepada orang ramai yang dia orang semasa saya belayar dia orang telah mengikuti perkembangan pelayaran hantar e-mel dan doa dan kata semangat, sekarang giliran saya untuk kongsi pengalaman dengan orang ramai. Tapi saya pun tak boleh buat benda itu secara berterusan secara profesion saya. Sebab profesion saya bukan penceramah atau pakar motivasi, itu bukan profesion saya. Jadi kalau saya dok bercakap bila nak buat benda lain.

S: Bagaimana dengan keadaan Jalur Gemilang.

J: Jalur Gemilang buat masa sekarang, daripada segi kemudahan tempat ini (Awana Porto Malai) kurang sesuai untuk melabuhkan Jalur Gemilang, tapi oleh kerana semangat itu yang kita kenang, rombongan yang datang ke Langkawi nak tengok kapal Jalur Gemilang dan bergambar, kita pun tinggalkan di situ, sekali sekali kalau ada masa bawa keluar, test sana test sini. Saya rasa kalau saya nak ambil simpan tempat lain tempat orang ramai tak boleh lihat, saya rasa tak patut.

S: Bagaimana dengan projek mengadakan Galeri Jalur Gemilang?

J: Lada (Lembaga Pembangunan Langkawi) memang berminat, kita akan beri kerjasama, tapi saya kalau boleh juga, saya nak libat kerajaan dan wang rakyat rasa berat, nak buat Galeri canggih yang harga berjuta, lepas tu barangkali kewangan tu boleh diguna untuk program lain, kalau boleh nak buat sendiri, memang makan masa, kalau mereka mahu kerjasama, kita boleh bantu buat secara usahasama.

S: Bagaimana dengan potensi industri perahu layar di sini?

J: Kita di sini daripada segi kemudahan saya rasa dah cukup, tapi peranan nak bangun perlu peranan semua pihak, saya sendiri pun tak boleh buat apa.

Maknanya segala kemudahan untuk memasuki industri itu ada. Barangkali minat dan kecenderungan orang dan peranan semua pihak daripada kerajaan tempatan, orang di Langkawi, sekolah-sekolah di sini dan persatuan dia orang kena main peranan.

Itulah saya kata, kalau saya nak buat sesuatu, kalau saya pergi sana sini, macam mana nak beri tumpuan. Itu yang saya kata hujung tahun ini, saya pun kurang sikit, supaya kita boleh beri tumpuan untuk tingkatkan kegiatan perahu layar di Langkawi, Itulah saya kata tadi melalui program fizikal yang bersamaan dengan portal itu. Tapi kita kena tengok sambutan dan peranan semua pihak ada, baru kita boleh buat, kalau nak buat sendiri tak boleh buat, makna nak RM10 hingga RM20 juta pun tak cukup kalau nak buat sendiri. Ada sokongan mana-mana pihak kerajaan, usahawan, sekolah, individu ingin nak lihat individu meningkat tapi ke arah yang positif.

S: Boleh dikatakan industri marin di sini ada potensi?

J: Kegiatan marin patutlah di satu tahap yang tinggi, memang kita ke belakang sikit...di Langkawi khususnya. Bukan kata ada potensi, patut kita dah establish, Langkawi sebagai perairan aktiviti industri perahu layar. Tapi saya tak tahu macam mana pihak yang mempromosi Langkawi sebagai satu legenda bukan perahu layar, itu yang dikata peranan semua pihak main peranan penting. Dia promosi sebagai legenda, orang kata datang sini nak tengok Makam Mahsuri, ini semua bukan nak pergiat aktiviti laut.

S: Adakah kerana kos tinggi?

J: Bukan kos tinggi, bot-bot kecil, waktu ini di sini sebenarnya sudah dekat ada 20-30 bot yang dok belayar. Kalau negeri orang putih, bukan berpuluh-puluh tapi beratus-ratus bot dok main celah ini.

Saya tengok di Australia beratus bot dalam teluk yang kecil sahaja. Dan berbagai-bagai bot, berbagai-bagai objektif dia orang, rekreasi, beriadah, berlumba, hidup atas bot

S: Adakah ini berkaitan dengan gaya hidup masyarakat Malaysia?

J: Ada juga. Memang perahu layar, bukan latar belakang kita. Tapi sejarah ada, kemudahan ada, keindahan pun ada, tapi cuma tu, tak diterokai, barangkali balik kepada individu di Malaysia yang mana matlamat dan peranan hidup, kira kerja bank, nak jadi pengurus bank, nak selesa, tak mahu bergiat dalam aktiviti lasak, yang mana melalui aktiviti lasak, banyak disiplin yang boleh kita belajar, dia orang tak nampak itu.

Kalau saya kata, pergi capak dengan budak universiti, kalau ambil jurusan kejuruteraan, graduan jurutera, saya kata beribu jurutera dalam dunia setiap tahun, tapi apakah yang membuatkan seorang jurutera lebih baik daripada yang lain, itu terpulang kepada perjuangan individu, bukan lagi daripada universiti, universiti kerja dia menghasilkan graduan.

Ia merupakan perjuangan individu, Kalau nak jadi yang terbaik, terpulang kepada seseorang. Kerajaan tak boleh buat apa, terpulang...

Kerajaan beri kemudahan, macam orang kita, sikit-sikit kerajaan tak buat, apa yang kita buat. Sebab itu saya nak buat galeri, kalau boleh saya nak buat sendiri, tak mahu melibatkan kerajaan. Saya buat macam portal untuk generasi muda, sepatutnya Rakan Muda atau Kementerian Belia dan Sukan yang buat tapi kita nak buat sendiri. Memang kementerian itu minat untuk bekerjasama tapi kita tak mahu, nak buat sendiri, untuk nak selaras nak melengkapkan dengan program yang dibuat mereka, kita nak buat bersama-sama bukan nak lawan mereka, nak buat sama-sama.

Itu semangat orang kata, kebanyakan daripada kita, kelemahan kita sikit-sikit harap kerajaan. Kerajaan tak buat tak bagi, sampai bila dok tunggu. Dia banyak mengadu. Manja.

S: Sudah hampir setahun, Datuk tak rindu ke laut?

J: Bukan kata rindu, kalau cara hidup saya, sebagai individu, saya ikut dari komitmen saya, kalau komitmen saya salah satu, saya buat hak itu, buat sebaik boleh, yang lain tu tak menjadi masalah, memang kalau boleh kita nak duduk di sini nak goyang kaki pergi ke laut, tapi adakah itu tumpuan kita atau adakah itu komitmen kita, kalau itu bukan komitmen, tak jadi masalah tak buat benda tu.

S: Semasa sesi berkongsi pengalaman, ada soalan gila-gila yang diutarakan?

J: Soalan, ada macam-macam, dari soalan-soalan itu kadang-kadang

kita boleh baca, kelemahan orang kita.

Tapi masihlah orang mempercayai, yang mana, kalau nak kelilingi dunia memerlukan ilmu-ilmu, jampi-jampi yang ghaib ghaib, benda-benda ghaib tu dah menjadi satu yang diketengahkan ataupun yang penting kepada orang kita, tapi itu bukanlah satu perkara yang penting.

Bukan kata kita buat itu, kita melupakan Tuhan, itu adalah asas dan asas itu mesti ada tapi dalam melaksanakan usaha itu kita memerlukan realiti untuk kita berjaya, bukan kita bergantung pada ilmu-ilmu ghaib. Kalau senapang tembak kita mesti mati.

Asas (agama) itu mesti ada, tapi tumpuan mesti diberi kepada realiti. Kalau saya belayar itu kalau saya tak bersedia dengan cara teknikal, mental dan fizikal, memang saya tak balik. Saya tak boleh nak bergantung pada ilmu ghaib. Kalau ombak datang 20 kaki, saya bukan boleh suruh ombak itu berhenti.

Kita tak boleh nak lawan. Kebudayaan kita kurang memberi hormat kepada individu yang lain, kita nak individu itu macam kita, mana boleh, dia tu...dia tu.. kita kita.

Itu yang banyak orang kita terikut-ikut dengan sesuatu individu, kerana kelemahan pada diri dia tu dan kelemahan daripada ketua dia tu. Dia nak orang tu ikut dia nak cara dia, tak hormati keperibadian individu itu. Setiap individu itu adalah lain dan peranan dia adalah lain dalam hidup ini kepada masyarakat.

S: Bagaimana perasaan Datuk apabila nama Datuk sering disebut-sebut oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)?

J: Tidak dinafikan ini merupakan satu penghormatan kepada saya. Saya pun tidaklah menyalahgunakan penghormatan dan penghargaan itu. Cuma bagi saya setiap orang yang saya jumpa dan bersalaman dan setiap kali nama saya disebut, ini bermakna tambahlah lagi tanggungjawab saya, bukan tambah populariti saya, tambahlah tanggungjawab saya. Datang seorang budak perempuan dapatkan autograph dalam satu majlis yang mengajukan pertanyaan, "Pakcik, seronok jadi glamour". Saya jawab, "adik ini bukan hal glamour ini tanggungjawab saya. Saya datang kerana ini tanggungjawab saya, bukan datang untuk glamour".

Pernah dalam satu program, seorang pelajar universiti bertanya tentang perasaan saya apabila nama saya disalahgunakan.

Saya tak nampak nama saya disalahgunakan.

Bukan kata, soalan ini daripada awak sahaja. Saya kadang-kadang pergi program, pelajar universiti dia kata, nama Datuk disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu apakah perasaan saya? Bagi saya sebagai individu, saya tak nampak salahguna dia. Tapi saya tak nafikan nama saya disebut.

Selaras dengan usaha kerajaan yang menekankan kepada pembinaan jatidiri dan Melayu baru, kalau nak disebut semangat perjuangan dan jika hendak dicerita daripada segi legenda memang banyak.

Dia (Dr Mahathir) sebut nama saya bertujuan bagi menyuntik semangat yang diperlukan bagi membina jatidiri itu...memupuk semua.

Jadi, saya berharap tiap-tiap tahun sebelum sambut merdeka, kita adakan satu program untuk membina semangat menyusuli kepada sambutan Hari Kebangsaan. Setiap 11 Ogos merupakan Hari Cabaran Jalur Gemilang dan 31 Ogos Hari Kebangsaan, saya nak kekalkan seperti ini setiap tahun dan bila saya mati, kalau orang boleh sambung eloklah.

S: Harapan Datuk pada orang lain untuk meneruskan kecemerlangan?

J: Saya harap lebih ramai orang lain boleh buat sama, bukan saya

seorang.

Saya kata, bila nak buat cabaran pelik-pelik. Tulis dengan terang dan jelas, karangan, apa kamu nak buat, bagaimana nak buat, lepas tu kenapa nak buat. Jawab semua itu dengan jelas betul-betul, barulah kita boleh duduk cerita. Kadang-kadang orang tau apa dia nak buat, bagaimana nak buat dia tak tau. Kadang-kadang ada orang apa dia nak buat dia tau, bagaimana nak buat dia tau, kenapa nak buat dia tak tau dia jam (buntu).

Dia kata nak pecah rekod, tak cukup, nak pecah rekod. Kenapa nak buat, kerana duit...tak cukup. Mesti punya, dia kena jelas betul-betul. Maknanya, itu datangnya kesungguhan dan keikhlasan. Barulah kalau kita betul-betul jelas, dan bersama dengan kesungguhan dan keikhlasan barulah dia menjadi perjuangan. Apabila jatuh ke tahap perjuangan, tetap akan tercapai, cuma masa akan menentukan.

-- BERNAMA

NH AU AKD